



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	22 JUNE 2017

GMPN gesa SPRM siasat

Dr. Mahathir

UUM - 22/6/2017
PUTRAJAYA 21 Jun - P9.9

Gerakan Martabat Pejuang Negara (GMPN) menggesa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melakukan siasatan terhadap Tun Dr. Mahathir Mohamad yang disyaki menyalurkan RM15 juta kepada pertubuhan asing untuk memburukkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Presiden GMPN, Razali Zakaria berkata, bekas Perdana Menteri itu disyaki bersekongkol dengan satu pertubuhan asing untuk membangkitkan saman sivil Jabatan Kehakiman (DoJ) Amerika Syarikat yang dikaitkan dengan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

"SPRM perlu melakukan siasatan mengenai perkara ini dengan segera dan mengumumkan berhubung kebenaran itu kepada orang ramai.

"Rakyat tidak mahu isu ini terus menimbulkan persoalan yang dilihat mempunyai agenda tertentu untuk memburukkan imej negara," katanya ketika ditemui di Ibu pejabat SPRM di sini hari ini.

Penganalisis politik, Raja Petra Kamaruddin menerusi laman blognya, *malaysia-today.net* baru-baru ini mendakwa penglibatan Dr. Mahathir dan beberapa individu dengan pertubuhan asing tersebut bagi menimbulkan isu saman sivil (DoJ sehingga membabitkan Perdana Menteri serta isteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Pada masa sama, Razali memberitahu, Dr. Mahathir dan pertubuhan itu bertindak demikian semata-mata untuk mendatangkan persepsi negatif kepada pemimpin utama negara.

"Kita pun pelik mengapa isu ini sudah lama senyap tetapi secara tiba-tiba ditimbulkan balik," katanya.